



**STRUKTUR PEKERJAAN BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN  
SOKONGAN DAN PEMBUATAN KESIHATAN DAN FARMASI**  
**(Occupational Job Structures For Health  
And Pharmaceutical Manufacturing / Support Services Sector)**



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Department of Skills Development  
Ministry of Human Resources, Malaysia

| <b>KANDUNGAN</b>                                                                                                              | <b>MUKA<br/>SURAT</b> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|
| <b>1. RINGKASAN EKSEKUTIF</b>                                                                                                 | <b>1</b>              |
| <b>2. KONSEP DAN STRUKTUR KERANGKA KELAYAKAN<br/>KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA (MOSQF)</b>                                     | <b>2</b>              |
| <b>3. PERKHIDMATAN SOKONGAN /PEMBUATAN KESIHATAN<br/>DAN FARMASEUTIKAL -LATAR BELAKANG SEKTOR</b>                             | <b>6</b>              |
| 3.1 Pendahuluan                                                                                                               | 6                     |
| 3.2 Definisi Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan<br>Farmaseutikal                                                   | 7                     |
| 3.3 Analisa Semasa Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan<br>dan Farmaseutikal                                             | 9                     |
| 3.4 Polisi, Persatuan dan Rancangan Pembangunan bagi Sektor<br>Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan<br>Farmaseutikal | 10                    |
| 3.5 Keperluan Pekerja mahir dalam Industri Tempatan                                                                           | 16                    |
| 3.6 Persaingan Industri di Peringkat Antarabangsa                                                                             | 18                    |
| <b>4. KAEDAH ANALISIS PEKERJAAN- PERKHIDMATAN<br/>SOKONGAN DAN PEMBUATAN KESIHATAN DAN<br/>FARMASEUTIKAL</b>                  | <b>20</b>             |
| 4.1 Kaedah Pembentukan definisi pekerjaan                                                                                     | 20                    |
| 4.2 Kaedah keseluruhan proses analisa pekerjaan                                                                               | 23                    |
| <b>5. PENEMUAN</b>                                                                                                            | <b>26</b>             |
| 5.1 Tajuk Pekerjaan dan Hierarki Sektor Perkhidmatan<br>Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal yang Sedia<br>ada      | 26                    |
| 5.2 Sub Sektor baru yang dicadangkan                                                                                          | 31                    |
| 5.3 Pemetaan di antara cadangan sub sektor kepada sub sektor sedia<br>ada                                                     | 43                    |
| 5.4 Tahap Kemasukan & Justifikasi                                                                                             | 46                    |
| 5.5 Definisi Pekerjaan                                                                                                        | 49                    |
| 5.6 Tajuk Pekerjaan Kritikal & Tajuk Pekerjaan Bukan Kritikal                                                                 | 4955                  |
| <b>CADANGAN DAN</b>                                                                                                           | <b>57</b>             |
| <b>KESIMPULAN</b>                                                                                                             |                       |
| <b>RUJUKAN /LAMPIRAN</b>                                                                                                      |                       |

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran 1: Senarai Pakar Panel dan fasilitator analisis pembangunan  
pekerjaan sektor perhidmatan sokongan/ pembuatan  
kesihatan dan farmaseutikal

Lampiran 2: Definisi Pekerjaan Sektor Perkhidmatan Sokongan/  
Pembuatan Kesihatan Dan Farmaseutikal

**SENARAI RAJAH****MUKA SURAT**

|                                                                                                                                                          |    |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| Rajah 2.1: MOSQF – Empat (4) Sektor pendidikan tinggi & lapan (8) Tahap Kelayakan                                                                        | 3  |
| Rajah 2.2: Deskripsi Rangka kerja Kelayakan Kemahiran Pekerjaan Malaysia (MOSQF) deskripsi tahap                                                         | 5  |
| Rajah 3.1: Matrik Tahap kecekapan dan klasifikasi pengkususan peralatan Perubatan                                                                        | 16 |
| Rajah 4.1: Contoh Pengenalpastian Objek                                                                                                                  | 21 |
| Rajah 5.1: Sub sektor Perubatan & farmaseutikal sedia ada – <i>Kosmetologi</i>                                                                           | 27 |
| Rajah 5.2: Sub sektor Farmaseutikal & Perubatan sedia ada- Perkhidmatan Kejururawatan                                                                    | 27 |
| Rajah 5.3: Sub sektor Mekatronik Perubatan sedia ada                                                                                                     | 28 |
| Rajah 5.4: Sub sektor Pengeluaran sedia ada - berasaskan sumber                                                                                          | 29 |
| Rajah 5.5: Sub sektor pengeluaran sedia ada - bukan berasaskan sumber                                                                                    | 30 |
| Rajah 5.6: Cadangan OA MatrikKesihatan –Sub Sektor Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal                                                  | 40 |
| Rajah 5.7 : Cadangan Matrik OA sub sektor Farmaseutikal                                                                                                  | 41 |
| Rajah 5.8 : Pemetaan antara sub sektor yang dicadangkan dengan sub sektor yang sedia ada                                                                 | 44 |
| Rajah 5.9: Pemetaan antara cadangan tahap bagi Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal merujuk kepada Tahap Kecekapan (MS 2058;2008) oleh Persijilan JPK | 45 |
| Rajah 5.10: Jadual Kritikal dan Bukan Kritikal                                                                                                           | 54 |

## **1. RINGKASAN EKSEKUTIF**

Dalam mengendalikan analisis pekerjaan bagi sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal, maklumat tentang industri ini telah dikumpulkan melalui kajian literasi dan temuduga bersama pakar daripada sektor awam dan swasta. Bengkel telah diadakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang struktur organisasi, tajuk pekerjaan, objektif hierarki dan aktiviti utama dalam industri tersebut.

Sektor Perkhidmatan Sokongan dan Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal dan sektor lain yang berkaitan akan dibangunkan di bawah Plan Induk Industri (IMP3) 2006-2020, untuk mengubah sektor-sektor ini menjadi pemboleh strategi bagi menyokong dan menyumbang terus kepada perkembangan ekonomi. Kekurangan pekerja mahir telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor yang memberi kesan kepada Sektor industri Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal. Oleh itu, usaha dan tindakan perlu diambil untuk memperbetulkan situasi ini. Usaha dijalankan untuk mengendalikan analisis pekerjaan dalam sektor industri Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal diikuti dengan kaji semula dan pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan dan manual latihan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran secara berperingkat.

Perlu dinyatakan disini bahawa Industri Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal yang dikaji semula dalam sesi analisis pekerjaan kali ini tidak termasuk sektor Perkhidmatan Kesihatan yang merangkumi tajuk pekerjaan seperti Doktor, Pembantu Kesihatan, Jururawat serta sektor Pembuatan Alatan Kesihatan kerana matrik analisis pekerjaan ini telah wujud dalam sektor sedia ada yang lain.

## **2. KONSEP DAN STRUKTUR RANGKA KERJA KELAYAKAN KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA (MOSQF)**

MOSQF adalah rangka kerja yang akan menjadi suatu sistem bersepadu untuk menghubungkan-kait kesemua kelayakan yang dianugerahkan di Malaysia. MOSQF akan menjadi satu alat yang membangunkan dan mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan kepada satu set kriteria yang diluluskan di peringkat kebangsaan dan setanding dengan yang dipraktikkan di peringkat antarabangsa pada tahap pembelajaran yang dicapai oleh pelajar. Ini termasuklah hasil pembelajaran yang dicapai yang mana boleh menjelaskan lagi tahap pembelajaran berkaitan. Kriteria tersebut akan digunakan dan diterima oleh kesemua pusat akreditasi Jabatan Pembangunan Kemahiran (*Department of Skills Development (DSD)*). MOSQF dibangunkan berdasarkan kepada Rangka Kerja Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework (MQF)*) dan juga berdasarkan rangka kerja yang digunakan serta dirujuk oleh negara lain seperti England, Wales & Northern Ireland, Australia, New Zealand dan Eropah. Oleh itu MOSQF membolehkannya menjadi satu alat terjemahan yang mana kelayakan boleh dibaca dan difahami merentasi pelbagai negara.

Rangka kerja dibangunkan supaya dapat meningkatkan sistem latihan kebangsaan semasa untuk semua pihak yang berminat seperti individu, penyedia latihan kemahiran, kerajaan, persatuan, badan profesional, industri dan komuniti Malaysia. MOSQF telah mengenalpasti lapan tahap kelayakan dalam empat sektor pendidikan. Empat sektor pendidikan tersebut adalah:

- Sektor kemahiran
- Sektor vokasional dan teknikal
- Sektor pembelajaran sepanjang hayat dan
- Sektor pendidikan tinggi (universiti)

Kelapan-lapan tahap kelayakan boleh dilihat dalam *Rajah 2.1: MOSQF – Empat (4) Sektor Pendidikan Tinggi & Lapan (8) Tahap Kelayakan*.

| Tahap Kelayakan | Sektor                                                                                                   |                                     |                                   | Pembelajaran Sepanjang Hayat                           |
|-----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------|-----------------------------------|--------------------------------------------------------|
|                 | Kemahiran / PPT                                                                                          | Vokasional dan Teknikal             | Akademik                          |                                                        |
| 8               | Doktor Kemahiran/<br>Diploma Profesional<br>Lanjutan Kemahiran/<br>Meister Tinggi<br>Kemahiran Malaysia  |                                     | Ijazah Kedoktoran                 | Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terkumpul (PPPT) |
| 7               | Sarjana Kemahiran /<br>Diploma Profesional<br>Kemahiran / Meister<br>Kemahiran                           |                                     | Ijazah Sarjana                    |                                                        |
|                 |                                                                                                          |                                     | Sijil dan Diploma<br>Pascaiswazah |                                                        |
| 6               | Diploma Siswazah<br>Kemahiran/Sijil<br>Profesonal<br>Kemahiran / Diploma<br>Lanjutan Tinggi<br>Kemahiran |                                     | Ijazah Sarjana Muda               |                                                        |
|                 |                                                                                                          |                                     | Sijil dan Diploma<br>Siswazah     |                                                        |
| 5               | Diploma Lanjutan<br>Kemahiran                                                                            | Diploma<br>Lanjutan                 | Diploma Lanjutan                  |                                                        |
| 4               | Diploma Kemahiran                                                                                        | Diploma                             | Diploma                           |                                                        |
| 3               | SKM Tahap 3                                                                                              | Sijil<br>Vokasional<br>dan Teknikal | Sijil                             |                                                        |
| 2               | SKM Tahap 2                                                                                              |                                     |                                   |                                                        |
| 1               | SKM Tahap 1                                                                                              |                                     |                                   |                                                        |

Rajah 2.1: MOSQF – Empat (4) Sektor Pendidikan Tinggi & Lapan (8)

Tahap Kelayakan

*Sumber: Divisyen MOSQ, Jabatan Pembangunan Kemahiran*

*Dikaji semula: Jun 2008*

**RANGKA KERJA KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA  
(MOSQF)**

| <b>Tahap</b> | <b>Deskripsi Tahap</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|--------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>1</b>     | Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk menggunakan pengetahuan, kemahiran dan prosedur yang relevan bagi menyelesaikan tugas yang rutin dan dijangka yang mengandungi tanggungjawab bagi menyempurnakan tugas dan prosedur berdasarkan halatuju atau panduan                                                                                                                                                                                                                                                               |
| <b>2</b>     | Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk memilih dan menggunakan pengetahuan, idea, kemahiran dan prosedur yang relevan untuk menyelesaikan tugas yang ditakrifkan dengan jelas dan mengemukakan masalah dengan jelas. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi menyelesaikan tugas dan prosedur, dan pengamalan autonomi dan pengadilan berdasarkan kepada keseluruhan halatuju atau panduan                                                                                                                       |
| <b>3</b>     | Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk menyelesaikan tugas dan mengemukakan masalah yang ditakrifkan dengan jelas dengan ukuran kerumitan. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi memulakan dan menyelesaikan tugas dan prosedur sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam parameter yang terhad. Ia juga menggambarkan kesedaran bagi perspektif yang berbeza atau pendekatan di dalam bidang kajian atau kerja |
| <b>4</b>     | Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan masalah yang ditafsirkan dengan jelas tetapi kompleks dan tidak rutin. Ia melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi keseluruhan haluan tindakan sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam pelbagai parameter yang adil. Ia juga menggambarkan pemahaman tentang perbezaan perspektif atau pendekatan di dalam bidang kajian atau kerja                                  |
| <b>5</b>     | Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan pelbagai tafsiran, masalah kompleks. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan haluan tindakan sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam pelbagai parameter. Ia juga menggambarkan pemahaman bagi perbezaan perspektif, pendekatan atau pendapat dan alasan disebaliknya                                                            |
| <b>6</b>     | Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk memperbaiki dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan masalah kompleks yang mempunyai definisi yang terhad. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan haluan tindakan yang membolehkan untuk menyokong                                                                                                                                                                                                    |

| Tahap | Deskripsi Tahap                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|       | banyak perubahan atau pembangunan, sebagaimana pengamalan pelbagai autonomi dan pengadilan. Ia juga menggambarkan pemahaman bagi perbezaan perspektif, pendekatan sekolah bagi pendapat dan teori yang menyokongnya                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| 7     | Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengatur semula dan menggunakan pemahaman, kaedah-kaedah dan pendekatan yang relevan untuk mengemukakan situasi yang bermasalah yang melibatkan banyak faktor yang saling bertindak. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan haluan tindakan yang memulakan atau menyokong perubahan atau pembangunan yang besar, sebagaimana pengamalan pelbagai autonomi dan pengadilan. Ia juga menggambarkan pemahaman teori dan kaedah perspektif yang relevan dan bagaimana mereka yang mempengaruhi bidang kerja atau kajian                                                                                                                                                               |
| 8     | Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk membangunkan pemahaman asli dan memperkembangkan bidang pengetahuan atau amalan profesional. Ia menggambarkan kebolehan untuk mengemukakan situasi yang bermasalah yang melibatkan banyak kerumitan, faktor yang saling bertindak melalui memulakan, merekabentuk dan menjalankan penyelidikan, pembangunan atau aktiviti strategik. Ia melibatkan amalan pelbagai autonomi, pengadilan dan kepimpinan dalam perkongsian tanggungjawab bagi pembangunan bidang kerja atau pengetahuan atau bagi penciptaan perubahan profesional atau organisasi yang besar. Ia juga menggambarkan pemahaman yang kritikal bagi teori dan kaedah perspektif yang relevan dan bagaimana ianya mempengaruhi bidang pengetahuan atau kerja |

*Rajah 2.2: Deskripsi Tahap Rangka Kerja Kemahiran Pekerjaan Malaysia (MOSQF)*

*Sumber: Bahagian MOSQ, Jabatan Pembangunan Kemahiran*

*Dikaji Semula: 2 April 2008*

### **3. PERKHIDMATAN SOKONGAN/PEMBUATAN KESIHATAN & FARMASEUTIKAL -LATARBELAKANG SEKTOR**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Prospek bagi Industri Kesihatan dan Farmaseutikal di Malaysia secara wajarnya agak baik walaupun pada masa kegawatan ekonomi global. Dengan kepelbagaian penyakit yang wujud pada ketika ini, pertumbuhan keperluan penjagaan kesihatan dan populasi masyarakat berumur adalah faktor yang memastikan pertumbuhan berterusan dalam industri.

Walaupun mengalami ekonomi yang tidak kukuh, industri dijangka tetap terus bertahan. dengan nilai RM 3.5 bilion pada tahun lepas, pasaran dalam Malaysia dianggarkan meningkat kepada RM 3.8 billion tahun ini dan RM 4.2 billion pada tahun hadapan. Perubahan demografik negara, dengan pertumbuhan kelas pertengahan yang berusia muda, serta jangkaan pertumbuhan penjagaan kesihatan akan membantu industri dengan peningkatan 10% pada kadar tahunan. Jangkaan perniagaan yang akan merangsangkan industri pelancongan adalah perubatan, kepakaran terapi, generik, ubat-ubatan melalui kaunter dan makanan tambahan.

Gaya hidup masa kini yang mementingkan pengurusan diri di kalangan pengguna Malaysia adalah dilihat sebagai faktor utama dalam perluasan pasaran ubat-ubatan melalui kaunter, yang di sebabkan oleh pengambilan vitamin dan makanan tambahan. Gaya ini adalah pilihan pengguna untuk pengurusan penjagaan kesihatan diri sendiri, seperti penyakit kronik yang tidak boleh dirawat oleh ubat biasa dan kos sara hidup tinggi yang boleh menyebabkan tekanan. Pilihan pengguna Malaysia kini berubah secara mendadak daripada ubat sintetik alopantik (ubat konvensional) kepada produk herba untuk menjaga kesihatan dan melawan penyakit.

Malaysia yang kaya dengan warisan biologi akan membantu industri farmaseutikal agar lebih berpotensi untuk menjadi peneraju dalam pasaran herba. Ramai pembekal tempatan telah bersedia untuk memasuki arena ini, terutama sekali dengan adanya galakan daripada kerajaan melalui pelbagai pemberian skim dan insentif untuk kajian dan penyelidikan produk herba.

### **3.2 DEFINISI PERKHIDMATAN SOKONGAN/ PEMBUATAN KESIHATAN DAN FARMASEUTIKAL.**

Dewasa ini, kehendak masyarakat untuk meningkatkan kualiti dan mengurangkan kos sara hidup dalam sistem penjagaan kesihatan semakin bertambah. Sejak kebelakangan ini, permintaan masyarakat ke arah meningkatkan kualiti dan mengurangkan kos sara hidup bertambah baik. Sistem teknologi maklumat moden dan perisian statistik boleh mendefinisi, memastikan dan membandingkan hasil pesakit di kalangan kumpulan populasi dengan perbezaan ciri-ciri atau yang berlawanan dengan standard pratkrif. Alat teknologi telah dikategorikan secara signifikan untuk membolehkan perkembangan pengurusan hasil penjagaan. Ini adalah penting bagi para professional penjagaan kesihatan untuk memahami, walaupun hasil penjagaan melibatkan penjagaan pesakit, bukan sahaja penjagaan disediakan secara individu oleh pelbagai pembekal penjagaan kesihatan, tetapi juga semua aspek penjagaan pesakit.

Kesihatan merupakan satu bentuk fizikal, mental dan sosial yang sihat. Ia melibatkan lebih daripada penyakit merbahaya. Kesihatan yang baik membolehkan manusia hidup dengan selesa. Atas alasan ini, banyak kerajaan dan agensi sukarela bersaing untuk menjaga dan membangunkan masyarakat. Ahli fizik atau klinik perubatan yang mempunyai kepakaran, pengetahuan, alat bantuan khusus, dan peralatan makmal disediakan untuk diagnosis dan rawatan yang tepat.

Perkhidmatan sokongan kesihatan melibatkan kesemuanya, tetapi tidak hanya terhad kepada pengurusan sumber perkhidmatan kesihatan seperti tenaga kerja, wang dan fasiliti, pencegahan dan rawatan, pengurusan darah, bekalan perubatan, alatan dan penyelenggaraan, ubatan, pergigian, veterinar, makmal, optometrik, makanan perubatan dan perkhidmatan perubatan pintar. Ia juga dipanggil *Hospital Support Services*.

Agar dapat menyumbang kepada hasil akhir proses perubatan, bidang ahli farmasi bermula dengan amalan falsafah baru. Amalan falsafah ini dinamakan “penjagaan farmaseutikal” Helper dan Strand’s mendefinisikan penjagaan kesihatan sebagai: “Peruntukan tanggungjawab dalam terapi ubat bermatlamat untuk mencapai hasil yang jelas yang dapat meningkatkan kualiti hidup pesakit.”

Hasilnya termasuklah:

- i) Penyembuhan penyakit;
- ii) Menyingkirkan atau mengurangkan simptomatologi pesakit;
- iii) Menahan atau memperlahankan proses penyakit; dan
- iv) Menghalang penyakit atau simptomatologi.

Penjagaan kesihatan melibatkan satu proses yang mana ahli farmasi bekerjasama dengan pesakit dan professional lain dalam merekacipta, menyelesaikan dan mengawal pelan terapeutik yang akan mengeluarkan hasil terapeutik yang spesifik kepada pesakit. Ia melibatkan tiga fungsi utama termasuklah:

- i) Mengenalpasti potensi dan masalah yang berkaitan ubat asal;
- ii) Menyelesaikan masalah yang berkaitan ubat asal;
- iii) Mencegah potensi masalah yang berkaitan ubat.

Penjagaan farmaseutikal adalah untuk kebaikan langsung kepada pesakit dan ahli farmasi bertanggungjawab secara terus untuk pesakit yang mementingkan penjagaan yang berkualiti. Asas hubungan dalam penjagaan kesihatan merupakan perubahan yang amat ketara di mana pesakit mempunyai kuasa kepada pembekal dan pembekal memberikan kompetensi dan komitmen (termasuk tanggungjawab) kepada pesakit. Penjagaan kesihatan tidak hanya memberi perubahan kepada apa yang ahli farmasi lakukan, tetapi juga perbezaan dalam amalan falsafah. Objektif utamanya adalah untuk meningkatkan hasil akhir rawatan pesakit seiring dengan perkhidmatan farmasi daripada ubat-ubatan atau orientasi produk kepada orientasi pesakit.

Farmaseutikal adalah kajian tentang kesan sesuatu ubat terhadap benda hidup. Ia menerangkan bagaimana ubat membaiki tisu dan fungsi organ. Ia juga berkaitan dengan biologi dan kimia. Ia adalah sains terbaru, tetapi ia berkait rapat dengan sesuatu yang lama, yang mana rawatannya dapat menyembuhkan penyakit. Farmaseutikal bermula pada era 1900 an seiring dengan perkembangan kimia. Buat pertama kalinya, tumbuh-tumbuhan mentah dan bahan mineral bertindak keatas tisu hidup yang dapat dianalisis. Sebahagian daripada bahan yang aktif boleh diasingkan dan digunakan sebagai dadah atau ubat.

Industri farmaseutikal merangkumi pembuatan, pengekstrakan, pemprosesan, penulenan dan pembungkusan bahan kimia yang digunakan sebagai ubat untuk manusia dan haiwan. Pembuatan farmaseutikal dibahagikan kepada dua peringkat utama, iaitu pengeluaran dan penukaran bahan atau ubat yang aktif ke dalam produk yang bersesuaian untuk pengagihan. Langkah-langkah pembuatan utama adalah:

- Persediaan pertengahan proses
- Pengenalan kepada kumpulan fungsi
- Penggabungan dan *etherification*;
- Pengasingan proses seperti membasuh dan penanggalan
- Penulenan produk akhir

### **3.3 ANALISA SEMASA SEKTOR PERKHIDMATAN SOKONGAN/ PEMBUATAN KESIHATAN DAN FARMASEUTIKAL**

Malaysia bergerak pantas sebagai salah satu destinasi bernilai bagi pelancongan perubatan, setanding dengan kesihatan dan fasiliti perubatan bertaraf dunia. Perkembangan kesedaran tentang pelancongan kesihatan di Malaysia akan menarik ramai pesakit luar bagi mendapatkan rawatan di sini, dan akan meningkatkan permintaan terhadap industri. Peningkatan kes kemalangan dan penyakit yang menyebabkan kematian seperti serangan jantung dan barah di Malaysia dapat meningkatkan permintaan ubat bagi rawatan khusus.

Secara amnya, penduduk Malaysia mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap jenama yang diimport, walaupun ianya lebih mahal jika dibandingkan dengan barangan tempatan. Tetapi dengan perkembangan ekonomi yang tidak menentu, lebih ramai pengguna dijangka akan beralih ke barangan tempatan supaya mereka dapat mengukuhkan bajet mereka. Faktor-faktor yang menyebabkan perubahan dikalangan pengguna yang lebih gemar mengurus kesihatan sendiri adalah seperti perluasan pasaran ubat-ubatan melalui kaunter, yang mana keutamaanya didorong oleh vitamin dan makanan tambahan, penyakit kronik tidak boleh dirawat oleh ubat biasa, dan kadar hidup yang tinggi yang telah mendorong tekanan pada tahap yang tinggi.

Pengguna Malaysia semakin ramai beralih daripada ubat alopantik sintetik (ubat konvensional) kepada produk herba untuk mengekalkan kesihatan dan melawan jangkitan penyakit. Warisan kekayaan biologi Malaysia membolehkan industri farmaseutikal tempatan berpotensi untuk menjadi peneraju utama dalam pasaran herba. Ramai pembekal telah bersedia menceburi bidang ini terutama dengan galakkan daripada kerajaan melalui pelbagai skim dan insentif untuk kajian penyelidikan produk herba.

Menurut Lembaga Kemajuan Industri Malaysia (MIDA), produk eksport farmaseutikal Malaysia begitu menggalakkan sejak dilantik menjadi anggota Konvensyen Pemeriksaan Farmaseutikal dan Kerjasama/Skim Pemeriksaan Farmaseutikal (Pharmaceutical Inspection Convention and Pharmaceutical Inspection Cooperation/Scheme (PIC/S) ) pada 2002. Antara negara yang menerima produk eksport adalah negara anggota PIC/S seperti Kesatuan Eropah, Australia dan Kanada. Tambahan pula, kedudukan Malaysia sebagai halal hub antarabangsa akan membantu menguatkan dan memperluaskan lagi pasaran dalam komuniti muslim, terutamanya di Timur Tengah dan Indonesia.

Peluang eksport bagi industri farmaseutikal di Malaysia adalah besar kerana pasaran antarabangsa mengiktiraf kualiti yang tinggi pada produk pembuatan Malaysia kerana kebanyakan pengeluar telah memenuhi kelayakkan GMP sedunia. Pada 31 Disember 2007, terdapat sebanyak 235 syarikat farmaseutikal telah berdaftar dengan perakuan GMP dibawah Pihak Berkuasa Kawalan Dadah Kementerian Kesihatan Malaysia.

### **3.4 POLISI, PERSATUAN, DAN RANCANGAN PEMBANGUNAN BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN SOKONGAN / PEMBUATAN KESIHATAN DAN FARMASEUTIKAL**

#### **3.4.1 Rancangan Malaysia Ke Sembilan**

Malaysia telah melancarkan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006-2010) pada 31 Mac 2006. Salah satu daripada objektif rancangan ini adalah untuk menempatkan Negara dalam mencapai status negara maju pada tahun 2020. Peruntukan sebanyak RM200 juta untuk pembangunan belanjawan telah disediakan di bawah rancangan ini bagi mengekalkan pembangunan ekonomi

negara. Pada masa ini, sektor pembuatan yang dijalankan telah berkembang sebanyak 6.7 peratus setiap tahun. Bagi sektor pembuatan, rancangan menitik beratkan teknologi tinggi, berasaskan pengetahuan dan aktiviti intensif kemahiran dalam sektor seperti:

- Elektronik
- Bioteknologi
- Petrokimia
- Angkasa lepas
- Jentera dan peralatan

### **3.4.2 Pelan Industri Malaysia Ketiga (IMP3)**

Di samping Rancangan Malaysia Ke Sembilan, kerajaan Malaysia juga telah melancarkan IMP3 (2006-2020). IMP3 mensasarkan Malaysia berkedudukan untuk bersaing dalam jangka masa panjang bagi mengharungi cabaran persekitaran ekonomi global. Di antara kandungan IMP3 adalah:

- Mengekalkan sektor perkhidmatan dan pembuatan sebagai perkembangan dalam sektor utama
- Meningkatkan persaingan Malaysia dan memastikan persekitaran pelaburan yang kondusif

Tujuannya adalah untuk mencapai persaingan global jangka panjang melalui tranformasi dan inovasi oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Skop ini meliputi sektor pembuatan dimana 12 industri dalam sektor pembuatan itu telah mensasarkan promosi dan pembangunan yang berterusan yang terdiri daripada Industri Bukan Berasaskan Sumber dan Industri Berasaskan Sumber. Industri Bukan Berasaskan Sumber termasuklah elektrik dan elektronik, alatan perubatan, kain dan tekstil, jentera dan peralatan, besi, peralatan pengangkutan. Industri Berasaskan Sumber termasuklah petrokimia, farmaseutikal, asas kayu, asas sumber, asas minyak sawit dan pemprosesan makanan.

### 3.4.3 Plan Strategik Kementerian Kesihatan 2006-2010

Plan Strategik Kementerian Kesihatan bermula seawal 2005 dengan pembangunan Plan Kesihatan Negara. Plan Kesihatan Negara merupakan plan untuk Malaysia pada tempoh Rancangan Malaysia Ke-9. Dalam membangunkan plan ini semua teknik bagi membangunkan plan strategik, seperti analisis keadaan dan analisis kekuatan-kelemahan-peluang-ancaman (SWOT) telah digunakan. Ia juga melibatkan analisis Rancangan Malaysia ke-7 dan ke-8 dan pengumpulan maklumat daripada laporan 12 Kumpulan Kerja Teknikal (TWGs)

➤ Matlamat Strategi

- Melindungi dan mengurangkan derita penyakit
- Meningkatkan sistem penyampaian penjagaan kesihatan
- Meningkatkan sumber
- Meningkatkan kajian dan pembangunan
- Mengurus krisis dan bencana dengan berkesan
- Mengukuhkan sistem maklumat pengurusan kesihatan

➤ Strategi-strategi

- Meningkatkan pentadbiran dan penggunaan teknologi yang bersesuaian dan latihan perkhidmatan yang memberi kuasa kepada individu, keluarga dan komuniti untuk mencapai kesihatan yang baik sepanjang hayat
- Meningkatkan kemahiran dan kompetensi yang berterusan dalam mengurangkan kadar kematian secara berterusan bagi meningkatkan kualiti penyampaian penjagaan kesihatan
- Mengukuhkan strategi perniagaan yang berkesan untuk mengembangkan organisasi
- Melaksanakan penggunaan sumber
- Meningkatkan penggunaan bukti melalui kajian untuk menyokong semua peringkat membuat keputusan
- Meningkatkan kesediaan semua peringkat dalam menguruskan bencana dan krisis yang berkaitan kesihatan secara berkesan

- Menambahbaik standard maklumat dan teknologi komunikasi sebagaimana maklumat kesihatan bagi mengekalkan pengurusan maklumat kesihatan yang rapi

### **3.4.4 Polisi Ubat Kebangsaan Malaysia (Malaysian National Medicines Policy -MNMP)**

Polisi Ubat Kebangsaan Malaysia (MNMP) merupakan satu dokumen rasmi kerajaan Malaysia yang menerangkan dan mengutamakan matlamat jangka panjang yang ditetapkan oleh kerajaan untuk sektor farmaseutikal dan mengenalpasti strategi utama pencapaian mereka. Ia menyediakan rangka kerja asas yang mana aktiviti sektor farmaseutikal boleh dikoordinasi oleh kedua sektor awam dan swasta.

#### **➤ Objektif Polisi Ubat Kebangsaan Malaysia (MNMP)**

Objektif MNMP adalah untuk meningkatkan kesihatan orang ramai melalui:

- Menggalakkan keadilan hak kepada ubat yang perlu/penting
- Menggalakkan keselamatan, kesan dan ubat yang baik kualitinya
- Menggalakkan penggunaan ubat yang rasional

MNMP mempunyai 8 komponen, mengandungi 4 komponen asas dan 4 komponen sokongan seperti berikut:

#### **Komponen asas:**

- Kualiti, keselamatan dan ubat yang berkesan
- Keboleh adaan ubat
- Keupayaan ubat
- Kualiti penggunaan ubat

#### **Komponen sokongan**

- Pembangunan sumber manusia
- Kajian dan penyelidikan

- iii) Kerjasama teknikal
- iv) Pengurusan Polisi Ubat Kebangsaan

### **3.4.5 Lembaga Farmasi**

Fungsi Lembaga Farmasi didefinisikan di bawah Pendaftaran Farmasi (Enakmen) Akta 2003 (Akta A1207) termasuklah:

- i) Pendaftaran dan pra pendaftaran Farmasi
- ii) Pendaftaran dan pra pendaftaran Badan Korporat
- iii) Pendaftaran Pelajar Farmasi ( sebelum 2 September 2004)
- iv) Mengesahkan bangunan untuk latihan
- v) Menetapkan garis panduan dan standard berhubung pengiktirafan Ijazah Farmasi
- vi) Menetapkan dan mengendalikan peperiksaan jurispruden farmasi
- vii) Mengendalikan siasatan pada amalan yang tidak beretika

Lima jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk memudahkan dan membantu Lembaga untuk menyempurnakan fungsi-fungsinya:

- i) Jawatankuasa penilaian
- ii) Jawatankuasa Peperiksaan Forensik
- iii) Jawatankuasa latihan
- iv) Jawatankuasa Pembangunan Profesional Berterusan
- v) Jawatankuasa etika

### **3.4.6 Kementerian Kesihatan**

Peranan Kementerian Kesihatan secara asasnya adalah untuk menetapkan polisi dan peraturan perkhidmatan kesihatan dalam negara dan menunjukkan komitmen dalam kerajaan, yang mana kesihatan amat penting dalam sesebuah pembinaan negara. Peranan kementerian adalah menjadi penguasa dan menguatkuasa.

Kementerian Kesihatan yang merupakan peneraju agensi kesihatan menyediakan kepimpinan berkaitan dengan kesihatan dan juga menetapkan

arahan/peraturan dalam pembangunan penjagaan kesihatan negara. Semasa tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006-2010) usaha telah diambil untuk mengukuhkan perkhidmatan penjagaan kesihatan, meningkatkan pembangunan sumber manusia dan mengurangkan penggunaan sumber.

Plan Strategik Kesihatan merupakan rumusan Plan Kesihatan Negara, yang telah dibangunkan untuk Rancangan Malaysia Ke Sembilan (NMP). Ini adalah cadangan untuk menjadi rujukan untuk semua program, institusi, jabatan negeri di bawah kementerian kesihatan untuk memastikan semua aktiviti dan sumber terus mencapai matlamat yang sama. Misi dan matlamat kementerian akan tercapai melalui komitmen yang teguh. Rancangan bukan hanya akan disediakan sebagai panduan dalam kementerian sahaja, tetapi juga akan menyediakan rangka kerja untuk pihak lain yang mempunyai kepentingan, bagi sama-sama meningkatkan sistem penjagaan kesihatan.

#### **3.4.7 Kod Amalan Pengurusan Penyelenggaraan Kejuruteraan yang Baik bagi Alatan Perubatan Aktif (Standard Malaysia-MS 2058:2008)**

Di bawah Standard Malaysia, Tahap kompetensi Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal telah dikategorikan ke dalam empat (4) tahap teknikal dan satu (1) tahap pengurusan. bagi menentukan tahap kompetensi individu, garis panduan akan dirujuk silang kepada klasifikasi pengkhususan penyelenggaraan alatan perubatan, kemahiran kompetensi, tahap analisis penyelenggaraan, dan tahap kemahiran pengurusan bagi Juruteknik atau Jurutera Biomedikal

| Klasifikasi pengkhususan penyelenggaraan alatan perubatan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                     | Tahap kompetensi penyelenggaraan Biomedikal |         |                      |                      |                         |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------------------|---------|----------------------|----------------------|-------------------------|
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                     | Tahap 1                                     | Tahap 2 | Tahap 3 <sup>2</sup> | Tahap 4 <sup>3</sup> | Pengurusan <sup>4</sup> |
| 1.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | Tahap Am/Asas alatan perubatan      | x                                           | x       | x                    | Pilihan              | x                       |
| 2.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | Tahap Pertengahan alatan perubatan  | -                                           | x       | x                    | Pilihan              | Pilihan                 |
| 3.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | <b>Tahap Tinggialatan perubatan</b> | -                                           | -       | Pilihan              | x                    | Pilihan                 |
| <p>NOTA :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Spesifikasi bidang diisytiharkan berdasarkan kepada model spesifik alatan perubatan.</li> <li>2. Untuk tahap 3 kecekapan, <i>Junior Specialist</i> telah diberi pilihan untuk mengembangkan tahap spesifikasi mereka berdasarkan kepada pencapaian dan pengalaman.</li> <li>3. Untuk tahap 4 kecekapan, Pakar vendor dan pengilang diberi pilihan untuk tidak dibenarkan berada di tahap spesifikasi bawah</li> <li>4. Untuk tahap pengurusan. Pengurus adalah perlu mendapatkan kecekapan minimum dalam tahap pengkhususan umum peralatan perubatan</li> <li>5. Sampel pengkhususan peralatan perubatan adalah diberi dalam Jadual A2 hingga A5 dan boleh berubah mengikut kerumitan dan kos bagi peralatan.</li> </ol> |                                     |                                             |         |                      |                      |                         |

\* Sila rujuk *Dokumen Standard Malaysia (MS2058:2008)* untuk maklumat selanjutnya

*Rajah 3.1: Matrik Tahap Kecekapan dan Klasifikasi Pengkhususan Peralatan Perubatan*

### 3.5 KEPERLUAN PEKERJA MAHIR DALAM INDUSTRI TEMPATAN

Malaysia mempunyai tenaga kerja mencecah 9.6 juta orang. Sektor pekerjaan terbesar adalah perdagangan dan pelancongan, dengan seramai 28% pekerja. Sektor pembuatan menyumbang seramai 27% dan industri pengeluaran seramai 44% dalam Keluaran Negara Kasar Malaysia. Sektor pertanian menyumbang kepada bilangan pekerja seramai 16% dan sektor perkhidmatan seramai 10%. Pengangguran adalah di bawah paras 3%

Sepanjang tempoh IMP yang lalu, pekerja dalam industri meningkat pada kadar 6.1 peratus dan telah dianggarkan 20,410 orang. Selari dengan perkembangan pengeluaran yang mempunyai produk nilai yang tinggi dan berautomasi, kadar yang tinggi dalam pekerjaan adalah dalam bidang pengurusan, profesional, penyeliaan dan peringkat pekerja teknikal. Nisbah modal pelaburan setiap pekerja terbukti dalam perkembangan pekerjaan, menggambarkan pengeluaran yang tinggi

bagi produk dan alatan perubatan peringkat tinggi, termasuklah lebih modal dan operasi intensif teknologi.

Industri cenderung kepada teknologi dan kajian intensif, yang memerlukan kelayakan profesional yang tinggi, seperti ahli farmasi, ahli kimia, ahli bioteknologi, mikro biologi, ahli biologi dan jurutera kimia, terutamanya di peringkat penyeliaan, aktiviti pengeluaran, jaminan kualiti, kajian dan penyelidikan. Menurut Kementerian Kesihatan, pekerja dalam industri masa kini dianggarkan sekurang-kurangnya 8700 orang, dengan 75% terlibat dalam farmaseutikal moden. Sebanyak 60% pekerjaan terdapat dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan pekerja berkemahiran.

Pengetahuan merupakan kunci pemangkin dalam membolehkan Malaysia menjadi sebuah pengeluar herbal global. Pada masa ini, terdapat kekurangan pengetahuan dalam tiga (3) bahagian utama iaitu amalan pertanian, farmakologi, dan pemprosesan teknologi. Terdapat juga keperluan untuk melatih lebih pekerja berpengetahuan dalam bidang yang relevan. Latihan dan persijilan merupakan bahagian kritikal yang akan meningkatkan bilangan pekerja yang berpengetahuan dalam tiga (3) bahagian penting : pengamal, penyelidik dan pekerja industri.

Pada masa ini, tidak terdapat kursus dalam bidang perubatan tradisional atau asli di universiti. Ia adalah kritikal kerana kursus seperti ini dibentuk sebagai sistem perubatan asli yang hanya berdasarkan kepada pengetahuan mereka sahaja dan paradigma perubatan. Pengamal perubatan alopantik dan doktor perubatan moden, perlu dilatih semula dalam perubatan tradisional seperti yang telah digunapakai di Jepun dan Jerman.

Pengetahuan yang kritikal bagi pengamal adalah tindak balas ubatan herba, falsafah sistem herba, ubat kritikal dan dos herba. Penggunaan ubat dan herba yang baik akan menjadikan keseluruhan kesihatan bertambah baik dan ini sekaligus akan mengurangkan kos penjagaan kesihatan. Ramai penyelidik diperlukan untuk meningkatkan kadar pertumbuhan dalam industri. Pertumbuhan dalam industri herba juga diperlukan bagi melahirkan pekerja yang berpengetahuan luas dalam industri pekerjaan.

### **3.6 PERSAINGAN INDUSTRI DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

Pada masa ini, eksport industri adalah melebihi 30 negara, termasuklah di Afrika dan Amerika. Destinasi eksport utama adalah Singapura, Brunei, Hong Kong, India, Taiwan, Jerman dan Jepun. Eksport ke negara-negara ASEAN adalah kira-kira 55% daripada jumlah eksport ke negara EU yang kemasukannya dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai anggota Kumpulan Penyeliaan Farmaseutikal dan Skim Kerjasama Penyeliaan Farmaseutikal pada 2002.

Walaupun Malaysia telah mencapai kemajuan dalam pengeksporan produk farmaseutikal, industri masih berorientasikan import . Produk import merupakan sebahagian daripada pasaran farmaseutikal tempatan, dengan 80% ubat, yang diimport. Jenis ubat utama yang diimport adalah mengikut jenis ubat seperti pengurangan kolestrol, ubat anti diabetik, ubat untuk merawat urat tegang yang tidak berfungsi dan kardiovaskular.

Perkembangan trend kini menyebabkan orang ramai beralih dari ubat alopantik kepada rawatan herba. Punca peralihan ini termasuklah pilihan pengguna yang lebih gemar kepada kesihatan yng berorientasikan pengurusan diri sendiri, penyakit kronik yang tersebar luas yang tidak boleh diubati oleh ubat biasa, dan kadar hidup yang tinggi yang menyebabkan tekanan dan mengurangkan masa lapang.

Memandangkan potensi saiz pasaran berasaskan herba dan ubat-ubatan herba, ia amat penting bagi Malaysia untuk membangun sebagai industri yang berasaskan kepada warisan herba semulajadi. Dahulunya, kebanyakan industri kimia adalah berasaskan kepada bahan hasil pertanian dan haiwan sebelum terciptanya petrokimia. Usaha keras mesti dilakukan untuk membangunkan kedua-dua produk dan proses dalam industri ini.

Malaysia adalah berpotensi untuk menjadi kunci pemangkin global dalam industri perubatan herba yang kaya dengan warisan biologikal, latarbelakang budaya dan hubungan dagangan. Malaysia tersenarai sebagai 12 negara paling berkepelbagaian di dunia dan berada pada kedudukan keempat di Asia dengan melebihi 15,000 tumbuhan berbunga dan lebih 3000 spesis tumbuhan herba. Daripada 3000 spesis

yang disenaraikan, hanya 50 yang dikormesialkan dan kajian secara saintifik bagi ciri-ciri herba juga kurang.

Masih banyak lagi yang belum diteroka secara meluas melalui penyelidikan etnobotanik. Tambahan pula, Malaysia juga merupakan tempat bagi tiga kumpulan etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India serta kumpulan etnik lain yang kaya dengan tradisi dan pengetahuan tentang penggunaan herba dalam kesihatan dan rawatan.

Dewasa ini, pasaran Malaysia bagi produk herba dan asli telah dianggarkan bernilai RM4.55 juta yang mana 90 peratus bahan mentah yang digunakan adalah diimport. Peningkatan yang mendadak ini dalam pasaran domestik di Malaysia disebabkan oleh perubahan gaya hidup, perkembangan kesedaran dalam kesihatan dan perkembangan dalam perubatan sintetik.

Kerajaan Malaysia telah memberikan sokongan yang kuat dalam pembangunan industri herba Malaysia. Polisi Pertanian Negara (1998-2010) mengenalpasti polisi yang berorientasi produk dan eksport sebagai salah satu bidang yang difokuskan. Tambahan pula, Kementerian Kesihatan telah meluluskan Polisi Perubatan Tradisional/ Moden pada tahun 2000 melalui penekanan 'penggunaan rasional', iaitu falsafah rawatan tradisional mahupun moden yang boleh digunakan secara serentak.

#### 4. **KAEDAH ANALISIS PEKERJAAN - PERKHIDMATAN SOKONGAN/ PEMBUATAN KESIHATAN DAN FARMASEUTIKAL**

Dalam melaksanakan Analisa Pekerjaan, perjumpaan permulaan telah diadakan bertujuan untuk menstrategikan Pelan Tindakan menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam terma skop kajian, kerangka waktu dan perwakilan oleh panel-panel pakar daripada sektor awam dan swasta seperti yang disyaratkan dalam surat penawaran. Selepas perjumpaan tersebut, satu Pelan Tindakan telah dibentuk untuk mempertimbangan aktiviti-aktiviti dan kerangka masa yang diperlukan.

Bab ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian; kaedah cadangan untuk membentuk Definisi Pekerjaan bagi tajuk pekerjaan masing-masing dan kaedah keseluruhan dalam proses analisis pekerjaan.

##### **4.1 KAEDAH PEMBENTUKAN DEFINISI PEKERJAAN**

Metodologi yang digunakan merupakan metodologi yang dibentuk oleh Dr. Amiron Ismail yang merupakan seorang fasilitator yang berpengalaman dalam pembangunan NOSS, COS, LG dan WIM. Metodologi ini digunakan untuk menghasilkan Definisi Pekerjaan yang jelas dalam skop perkerjaan utama bagi tajuk pekerjaan, kata kerja yang digunakan adalah berdasarkan kepada tahap kesukaran dan objeknya jelas diterangkan.

Di bawah merupakan langkah-langkah utama dalam menghasilkan Definisi Pekerjaan bagi setiap tajuk pekerjaan yang didapati dalam Analisa Pekerjaan:


- (i) Menentukan sub sektor utama dan bidang-bidang dalam sektor;
- (ii) Mengenalpasti tajuk pekerjaan; dan
- (iii) Mengenalpasti skop pekerjaan.

Untuk menghuraikan Definisi Pekerjaan dengan lebih jelas, kenyataan tersebut haruslah mengandungi **kata kerja**, **objek** dan **penerang**. Rasional penentuan ciri-ciri Definisi Pekerjaan adalah, untuk memastikan konsistensi dan penerusan penggunaan ciri-ciri tersebut dalam Analisa Pekerjaan ke Analisa Kerja dan seterusnya kepada Pembangunan Analisa Tugas.

### (a) Objek

Objek akan ditentukan sebelum dua ciri-ciri lain. Objek bagi setiap kerja adalah penentu utama bagi membezakan satu kerja dengan kerja yang lain. Contohnya, demi-chef (sub sektor Dapur bagi Industri Hotel), berurusan dengan makanan dan peralatan memasak sebagai objek untuk melaksanakan tugas. Sementara itu, pendandan rambut berurusan dengan rambut pelanggan, bahan kimia dandanan rambut dan lain-lain lagi.

Objek tersebut diperolehi daripada ahli panel pakar di sepanjang sesi percambahan fikiran dimana hasil perbincangan ditulis di atas kad DACUM agar kesemua ahli panel boleh melihat pengenaltastian objek. Contoh objek bagi sub sektor yang berkaitan dengan industri Elektrik ditentukan seperti di bawah:



*Rajah 4.1: Contoh Pengenalpastian Objek*

#### **Legend:**

Instrumentasi : Bidang / Sub sektor

Penyelesaian masalah : Objek

### (b) Kata Kerja

Kata kerja ditentukan berdasarkan tahap kesukaran bagi tajuk pekerjaan yang telah dikenalpasti seperti di bawah:

- **Objek** : *jadual penyenggaraan*
- *Kata kerja bagi Tahap 6* : **Melaksanakan**
- *Kata kerja bagi Tahap 7*: **Menganalisa**
- *Kata kerja bagi Tahap 8*: **Menilai**

Oleh itu, kandungan definisi pekerjaan adalah seperti berikut:

- Pembantu Pengurus Fabrikasi Litar Bersepadu (Tahap 6)
  - ✓ **Melaksanakan** *jadual penyenggaraan* + (*penerang*)
- Pengurus Fabrikasi Litar Bersepadu (Tahap 7)
  - ✓ **Menganalisa** *jadual penyenggaraan* + (*penerang*)
- Pakar Mikroelektronik (Tahap 8)
  - ✓ **Menilai** *jadual penyenggaraan* + (*penerang*)

### (c) Penerang

Berdasarkan kepada contoh di atas, pernyataan tidak jelas yang mana ianya tidak mempunyai penerang bagi objek. Oleh itu penerang perlu ditambah untuk penjelasan lebih lanjut. Di bawah disertakan contoh:

- *Menganalisa jadual penyenggaraan bagi* **peralatan elektrik dan elektronik**

## **4.2 KAEDAH KESELURUHAN PROSES ANALISA PEKERJAAN**

### **(i) Kajian literasi**

Seperti yang digariskan oleh panduan JPK, kajian literasi ke atas sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal telah dijalankan untuk mendapat kefahaman tentang skop, polisi, program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam konteks senario Malaysia. Skop yang diliputi dalam kajian ini termasuklah definisi, analisa ke atas sektor, sub sektor dan status terkini industri sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal, keperluan pekerja berkemahiran dalam industri tempatan dan persaingan industri pada peringkat antarabangsa.

### **(ii) Mengenalpasti pakar industri dan sektor awam**

Hasil kajian literasi telah digunakan sebagai rujukan untuk mengenalpasti skop kajian pekerjaan. Berdasarkan hasil kajian ini, pakar dalam sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal dapat dikenalpasti dan disenaraikan untuk hubungan lanjut.

### **(iii) Mewujudkan komunikasi dengan pakar sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal**

Sekumpulan pakar Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal daripada industri dan sektor awam telah dihubungi. Senarai pakar tersebut boleh dirujuk di dalam **Lampiran 1**.

### **(iv) Pengumpulan maklumat**

Dalam proses pengumpulan maklumat, dua kaedah telah digunakan iaitu sumbangsaran (brainstorming) dan Pembangunan Kurikulum (Developing a Curriculum-DACUM). Sesi DACUM dan sumbangsaran ini telah dihadiri panel pakar yang telah membincangkan sub sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal. Hasil pengumpulan maklumat telah digunakan sebagai input analisa pekerjaan industri Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal.

**(v) Penganalisaan Maklumat**

Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di atas, maklumat penting telah dikenalpasti. Maklumat dan data ini telah dianalisa dan dibincangkan dalam beberapa bengkel yang dihadiri oleh pakar industri. Kehadiran pakar industri adalah untuk sama-sama membangunkan analisa pekerjaan bagi sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal.

Sepanjang sesi ini, kajian semula ke atas sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal di Malaysia telah dilaksanakan dengan merujuk kepada rangkakerja berikut:

- (a) Skop sektor dan sub sektornya
- (b) Bidang utama
- (c) Kumpulan pekerjaan utama dalam industri
- (d) Tajuk pekerjaan
- (e) Struktur hierarki (Tahap 1-8)
- (f) Definisi Pekerjaan

**(vi) Mengurus bengkel dengan panel pakar**

Bengkel pembangunan analisis pekerjaan bagi sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal telah dijalankan . seperti berikut:

- Diadakan pada 14 Julai sehingga 15 Julai 2009, di Pritec Academy, Melaka. Objektif bengkel adalah:
  - Pembentangan hasil kajian:
    - Tajuk Pekerjaan
    - Struktur kerjaya
    - Struktur hierarki (Tahap 1-8)
    - Definisi Pekerjaan
  - Sesi analisa bidang pekerjaan
  - Pengesahan hasil kajian

- Diadakan pada 15 Ogos hingga 16 Ogos 2009 di Pritec Academy, Melaka. Objektif bengkel adalah:
  - Pembentangan hasil kajian dan semak semula (proofreading)
    - Tajuk Pekerjaan
    - Struktur kerjaya
    - Struktur Hierarki (Tahap 1-8)
    - Definisi pekerjaan
  - Sesi Analisis Pekerjaan
  - Pengesahan hasil kajian

## 5. PENEMUAN

Hasil Analisa Pekerjaan sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal boleh dibahagikan kepada empat kategori iaitu tajuk pekerjaan sedia ada, tajuk pekerjaan yang dicadangkan, pemetaan antara tajuk pekerjaan yang dicadangkan ke tajuk pekerjaan sedia ada serta justifikasi tahap kemasukan dan aras tahap.

### 5.1 TAJUK PEKERJAAN DAN HIERARKI SEKTOR PERKHIDMATAN SOKONGAN / PEMBUATAN KESIHATAN DAN FARMASEUTIKAL YANG SEDIA ADA

Sepanjang menjalankan analisa tentang sektor perkhidmatan sokongan dan/pembuatan kesihatan dan farmaseutikal, sektor yang sedia ada telah dirujuk. Oleh sebab itu, berdasarkan kepada tajuk pekerjaan yang sedia ada dalam pendaftaran JPK dan SKPK di bawah sektor Perubatan dan Farmaseutikal terdapat 7 sub sektor iaitu perkhidmatan perubatan, kosmetologi, perkhidmatan kejururawatan, perkhidmatan sokongan hospital, perkhidmatan veterinar, perkhidmatan pergigian dan kesihatan dan terapi alternatif. Sejumlah 15 tajuk pekerjaan telah wujud dari tahap 1 sehingga tahap 5. Kemasukan tahap untuk sektor ini adalah pada tahap 1 kecuali perkhidmatan kesihatan dan terapi alternatif yang mana kemasukan tahap adalah pada tahap 2 sahaja. Bagi sub sektor kosmetologi tajuk pekerjaan adalah sehingga tahap 5 iaitu sebagai Pengurus Estetik. Perkhidmatan kejururawatan adalah sehingga tahap 3 iaitu sebagai Jururawat. Tajuk pekerjaan yang di atas boleh dilihat pada *Rajah 5.1. Sub sektor Farmaseutikal & Perubatan sedia ada*.

Tajuk pekerjaan pembuatan peralatan Kesihatan & Farmaseutikal yang sedia ada tidak berada di bawah sektor perubatan & Farmaseutikal tetapi boleh ditemui dalam matrik OA yang sedia ada di bawah ini;

- i) Matrik OA Sektor Mekatronik-

*Rajah 5.3: Sub Sektor Mekatronik Perubatan yang sedia ada.*

- ii) Matrik OA Pengeluaran-

*Rajah 5.4: Sub Sektor Pengeluaran yang sedia ada- berasaskan sumber*

*Rajah 5.5: Sub Sektor Pengeluaran yang sedia ada- bukan berasaskan sumber.*

Matrik OA yang sedia ada boleh dilihat dalam rajah berikut yang disertakan di bahagian ini.

**Sektor yang sedia ada: Matrik OA Farmaseutikal & Perubatan**

- 1) Sub Sektor: Perkhidmatan Perubatan (*Medical Services*)
- 2) Sub Sektor: Kosmetologi (*Cosmetology*)

|    | <b>Terapi Kecantikan<br/>(Beauty Therapy)</b>                   |                                                                 |
|----|-----------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
| L5 | N-011-5<br>Pengurus Estetik<br>( <i>Aesthetic Manager</i> )     | Belum Ada<br>( <i>Not Available</i> )                           |
| L4 | Penolong Pengurus Estetik<br>( <i>Aesthetic Manager</i> )       |                                                                 |
| L3 | N-011-3<br>Juruterapi Estetik<br>( <i>Aesthetic Therapist</i> ) | N-030-3<br>Penyelia Spa<br>( <i>Spa Supervisor</i> )            |
| L2 | N-011-2<br>Juruestetik<br>( <i>Aesthetician</i> )               | N-030-2<br>Terapis Kanan Spa<br>( <i>Senior Spa Therapist</i> ) |
| L1 | N-011-1<br>Jurukecantikan<br>( <i>Beautician</i> )              | N-030-1<br>Terapis Muda Spa<br>( <i>Junior Spa Therapist</i> )  |

Rajah 5.1: Sub sektor Perubatan & farmaseutikal sedia ada – *Kosmetologi*

- 3) Sub Sektor: Perkhidmatan Kejururawatan (*Nursing Services*)

|    | <b>Kejururawatan (Nursing)</b>                                     |
|----|--------------------------------------------------------------------|
| L5 | Belum Ada<br>( <i>Not Available</i> )                              |
| L4 |                                                                    |
| L3 | MP-020-3<br>Jururawat (Staff Nurse)<br>(06-03-2007)                |
| L2 | MP-020-2<br>Jururawat Masyarakat (Community Nurse)<br>(06-03-2007) |
| L1 | MP-020-1<br>Atendan Hospital (Hospital Attendant)<br>(06-03-2007)  |

Rajah 5.2: Sub sektor Farmaseutikal & Perubatan sedia ada- Perkhidmatan Kejururawatan

4) Sub Sektor: Mekatronik Perubatan

| SUB SEKTOR | MEKATRONIK PERUBATAN                |                                |                                          |
|------------|-------------------------------------|--------------------------------|------------------------------------------|
| BIDANG     | BIOMEKATRONIK                       | DIAGNOSTIK                     | SURGICAL SUPPORT                         |
| L8         | Pakar Automasi Perubatan            |                                |                                          |
| L7         | Teknologis Kanan Biomekatronik      | Teknologis Kanan Diagnostik    | Teknologis Kanan Pembedahan Sokongn      |
| L6         | Teknologis Biomekatronik            | Teknologis Diagnostik          | Teknologis Pembedahan Sokongan*          |
| L5         | Pembantu Teknologis Biomekatronik*  | Pembantu Teknologis Diagnostik | Pembantu Teknologis Pembedahan Sokongan* |
| L4         | Juruteknik Kanan Automasi Perubatan |                                |                                          |
| L3         | <i>Tiada Tahap</i>                  |                                |                                          |
| L2         | <i>Tiada Tahap</i>                  |                                |                                          |
| L1         | <i>Tiada Tahap</i>                  |                                |                                          |

Rajah 5.3: Sub Sektor Mekatronik Perubatan sedia ada

| SUB SEKTOR | INDUSTRI BUKAN BERASASKAN SUMBER          |                                               |                                                 |                                                              |                                                         |                                                            |
|------------|-------------------------------------------|-----------------------------------------------|-------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|
| SUB SEKTOR | INDUSTRI BERASASKAN SUMBER                |                                               |                                                 |                                                              |                                                         |                                                            |
| BIDANG     | FARMASEUTIKAL<br>(SEMULAJADI/TRADISIONAL) |                                               | PEMROSESAN MAKANAN                              | GETAH & PRODUK BERASASKAN GETAH                              | MINYAK SAWIT-BERASASKAN PRODUK                          | KAYU-BERASASKAN PRODUK                                     |
| TAHAP 8    | - Tiada Tahap -                           |                                               | - Tiada Tahap -                                 | - Tiada Tahap -                                              | - Tiada Tahap -                                         | - Tiada Tahap -                                            |
| TAHAP 7    | Pakar Pengeluaran Farmaseutikal           |                                               | Pakar Pemprosesan Makanan                       | Pakar Pengeluaran Getah & Berasaskan Getah                   | Pakar Pengeluaran Produk Minyak Sawit                   | Pakar Pengeluaran Produk Berasaskan kayu                   |
| TAHAP 6    | Pengurus Farmaseutikal                    | Pengurus Kawalan Kualiti Farmaseutikal        | Pengurus Pengeluaran Pemprosesan Makanan        | Pengurus Industri Pengeluaran Getah & Berasaskan Getah       | Pengurus Industri Pengeluaran Produk Minyak Sawit       | Pengurus Pengeluaran Industri Produk Berasaskan Kayu       |
| TAHAP 5    | Eksekutif Kanan Farmaseutikal             | Eksekutif Kanan Kawalan Kualiti Farmaseutikal | Eksekutif Kanan Pengeluaran Pemprosesan Makanan | Eksekutif Pengeluaran Industri Getah & Berasaskan Getah      | Eksekutif Industri Pengeluaran Produk Minyak Sawit      | Eksekutif Pengeluaran Industri Produk Berasaskan Kayu      |
| TAHAP 4    | Eksekutif Pemprosesan Farmaseutikal       | Eksekutif Kawalan Kualiti Farmaseutikal       | Eksekutif Pengeluaran Pemprosesan Makanan       | Penguasa Pengeluaran Industri Getah & Berasaskan Getah       | Penguasa Industri Pengeluaran Produk Minyak Sawit       | Penguasa Pengeluaran Industri Produk Berasaskan Kayu       |
| TAHAP 3    | Penyelia Pengeluaran Farmaseutikal        | Penyelia Kawalan Kualiti Farmaseutikal        | Penyelia Pengeluaran Pemprosesan Makanan        | Penyelia Pengeluaran Industri Getah & Berasaskan Getah       | Penyelia Industri Pengeluaran Produk Minyak Sawit       | Penyelia Pengeluaran Industri Produk Berasaskan Kayu       |
| TAHAP 2    | Ketua Bahagian Pengeluaran Farmaseutikal  | Inspektor Kawalan Kualiti Farmaseutikal       | Ketua Bahagian Pengeluaran Pemprosesan Makanan  | Ketua Bahagian Pengeluaran Industri Getah & Berasaskan Getah | Ketua Bahagian Industri Pengeluaran Produk Minyak Sawit | Ketua Bahagian Pengeluaran Industri Produk Berasaskan Kayu |
| TAHAP 1    | Operator Pengeluaran                      |                                               |                                                 |                                                              |                                                         |                                                            |

Rajah 5.4: Sub Sektor Pengeluaran sedia ada – Berasaskan sumber

| BIDANG  | INDUSTRI KIMIA                   | LOGAM & INDUSTRI BERKAITAN                            | PERALATAN & JENTERA                                     | ELEKTRIK & ELEKTRONIK                                 | INDUSTRI PLASTIK                            | INDUSTRI BAHAN PEMBINAAN                         | PAKAIAN & TEKSTIL                           |                                             |
|---------|----------------------------------|-------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|---------------------------------------------|--------------------------------------------------|---------------------------------------------|---------------------------------------------|
| TAHAP 8 | - Tiada Tahap -                  | - Tiada Tahap -                                       | - Tiada Tahap -                                         | - Tiada Tahap -                                       | - Tiada Tahap -                             | - Tiada Tahap -                                  | - Tiada Tahap -                             |                                             |
| TAHAP 7 | Pakar Pengeluaran Kimia          | Pakar Logam & Pengeluaran Berkaitan                   | Pakar Pengeluaran Peralatan & Jentera                   | Teknologis Kanan Pengeluaran Elektrik & Elektronik    | Pakar Pengeluaran Plastik                   | Pakar Pengeluaran Bahan Binaan                   | Pakar Pengeluaran Tekstil                   | Pakar Pengeluaran Pakaian                   |
| TAHAP 6 | Pengurus Kimia                   | Pengurus Logam & Pengeluaran Berkaitan                | Pengurus Industri Pengeluaran Peralatan & Jentera       | Teknologis Pemprosesan Elektrik & Elektronik          | Pengurus Pengeluaran Industri Plastik       | Pengurus Pengeluaran Industri Bahan Binaan       | Pengurus Pengeluaran Industri Tekstil       | Pengurus Pengeluaran Industri Pakaian       |
| TAHAP 5 | Eksekutif Kanan Kimia            | Eksekutif Industri Logam & Pengeluaran Berkaitan      | Eksekutif Industri Pengeluaran Peralatan & Jentera      | Pembantu Teknologis Pemprosesan Elektrik & Elektronik | Eksekutif Pengeluaran Industri Plastik      | Eksekutif Pengeluaran Industri Bahan Binaan      | Eksekutif Pengeluaran Industri Tekstil      | Eksekutif Pengeluaran Industri Pakaian      |
| TAHAP 4 | Eksekutif Pemprosesan Kimia      | Penguasa Industri Logam & Pengeluaran Berkaitan       | Penguasa Industri Pengeluaran Peralatan & Jentera       | Juruteknik Kanan Elektrik & Elektronik                | Penguasa Pengeluaran Industri Plastik       | Penguasa Pengeluaran Industri Bahan Binaan       | Penguasa Pengeluaran Industri Tekstil       | Penguasa Pengeluaran Industri Pakaian       |
| TAHAP 3 | Penyelia Pengeluaran Kimia       | Penyelia Industri Logam & Pengeluaran Berkaitan       | Penyelia Industri Pengeluaran Peralatan & Jentera       | Juruteknik Pemprosesan Elektrik & Elektronik          | Penyelia Pengeluaran Industri Plastik       | Penyelia Pengeluaran Industri Bahan Binaan       | Penyelia Pengeluaran Industri Tekstil       | Penyelia Pengeluaran Industri Pakaian       |
| TAHAP 2 | Ketua Bahagian Pengeluaran Kimia | Ketua Bahagian Industri Logam & Pengeluaran Berkaitan | Ketua Bahagian Industri Pengeluaran Peralatan & Jentera | Ketua Bahagian Pemprosesan Elektrik & Elektronik      | Ketua Bahagian Pengeluaran Industri Plastik | Ketua Bahagian Pengeluaran Industri Bahan Binaan | Ketua Bahagian Pengeluaran Industri Tekstil | Ketua Bahagian Pengeluaran Industri Pakaian |
| TAHAP 1 | Operator Pengeluaran             |                                                       |                                                         |                                                       |                                             |                                                  | Operator Tekstil/Pakaian                    |                                             |

Rajah 5.5: Sub Sektor Pengeluaran Sedia Ada- Bukan berasaskan sumber

## 5.2 SUB SEKTOR BARU YANG DICADANGKAN

Sub sektor baru yang dicadangkan dalam sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan & Farmaseutikal diperolehi melalui kajian literasi dan perbincangan dengan pakar industri semasa sesi pembangunan. Menurut Plan Induk Industri Malaysia ke 3 (IMP3), Rancangan Malaysia ke 9 dan plan ekonomi kebangsaan yang lain, negara mensasarkan untuk bergerak ke hadapan ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia dan menggalakkan persaingan Malaysia di peringkat global.

Semasa bengkel pembangunan, anggota panel telah mengenalpasti dua (2) industri utama yang menggambarkan kategori utama sektor Perkhidmatan Sokongan/Pembuatan Kesihatan dan Farmaseutikal di Malaysia. Dua sub sektor yang disenaraikan adalah seperti di bawah:-

- i) Kesihatan
- ii) Farmaseutikal

Dua gambarajah matrik OA sektor tersebut disertakan dalam bahagian ini. Sebanyak 71 tajuk pekerjaan wujud dalam sub sektor yang dicadangkan. Terdapat juga 3 bidang dan 11 sub bidang yang dicadangkan. Di bawah ini adalah deskripsi bagi setiap sub sektor.

### **i) Kesihatan**

Analisis pekerjaan dalam sub sektor Pembuatan Peralatan Kesihatan adalah tidak termasuk dalam matrik OA ini kerana dikategorikan dibawah matrik OA yang sedia ada dalam sektor Pengeluaran dan dalam matrik OA Mekatronik di bawah sub sektor Mekatronik Perubatan. Oleh sebab itu, fokus utama sub sektor yang dicadangkan adalah Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal (**Biomedical Engineering Maintenance Services (BEMS)**) seperti yang diterangkan di bawah:

#### **a) Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal**

Matlamat utama Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal (BEMS) adalah untuk memastikan setiap dan semua peralatan perubatan menjalani penyelenggaraan pencegahan terancang komprehensif secara berterusan dan apa-apa kerosakan diperbetulkan dalam jangka masa yang ditetapkan. Perkhidmatan yang disediakan adalah untuk memastikan para doktor dapat terus melakukan kerja dengan mengetahui bahawa semua alatan biomedikal boleh didapati dan digunakan pada bila-bila masa.

Alatan biomedikal adalah sangat penting dalam amalan perubatan harian dan sudah tentunya memerlukan kos yang tinggi semasa pembelian dan penyelenggaraan. Penyelenggaraan peralatan ini perlu mematuhi standard keadaan yang amat tinggi tetapi boleh dikurangkan jika aset ini bersesuaian dan penyelenggaraanya bersifat biasa. Penyelenggaraan peralatan ini tetap dan standardnya telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan serta Standard dan Akta Malaysia yang berkaitan. Kementerian Kesihatan kini sedang membangunkan Akta Peralatan Perubatan untuk memastikan piawaian peralatan perubatan di Malaysia. Masa yang diambil untuk memulihkan keadaan peralatan perubatan dapat dikurangkan sekiranya asset-aset ini menerima penyelenggaraan yang berterusan dan mengikut prosedur.

Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal meliputi penyelenggaraan kejuruteraan bagi semua peralatan diagnostik dan terapeutik, bilik pembedahan, peralatan makmal, radiology & elektronik serta menyediakan alat ganti.

Pembekal perkhidmatan adalah komited untuk menepati sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan yang mana merupakan standard antarabangsa yang tertinggi. Kakitangan yang terlatih akan memastikan setiap alatan perubatan menjalani penyelenggaraan pencegahan terancang yang komprehensif secara berterusan dan kegiatan baik pulih peralatan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Terdapat sebanyak 15 tajuk pekerjaan di bawah sub sektor ini. Sub sektor ini dibahagikan kepada 4 kategori utama pengkhususan peralatan seperti yang di bawah:

- **Radiologi dan pengimejan**

Satu cabang perubatan yang melibatkan penggunaan radiografi atau teknologi pengimejan lain (seperti ultrabunyi dan pengimejan gema magnetik) untuk diagnosis dan rawatan penyakit

- **Makmal**

Peralatan makmal perubatan atau makmal klinikal merupakan peralatan makmal yang digunakan di mana ujian dijalankan ke atas spesimen klinikal bagi tujuan mendapatkan maklumat tentang pesakit yang bersangkutan dengan diagnosis, rawatan dan penyembuhan penyakit.

- **Diagnostik**

Ia merupakan peralatan yang digunakan untuk mengenalpasti keadaan pesakit melalui pemeriksaan dan penilaian. Kaedah diagnostik mungkin termasuk pemeriksaan klinikal, ujian darah, denyutan atau pemeriksaan nadi, bergantung kepada sistem perubatan yang mana diagnosis telah dibuat.

- **Terapeutik**

Peralatan terapeutik merujuk kepada peralatan yang digunakan untuk pemulihan, seperti ubat atau terapi yang mempunyai keupayaan penyembuhan kuratif sebagai rawatan penyakit atau kecacatan.

Sub sektor ini bermula pada tahap dua (2) kerana ia melibatkan aktiviti yang bukan rutin dan memerlukan autonomi dan tanggungjawab individu. Tajuk pekerjaan yang tertinggi adalah sehingga tahap 7 dan bukan di tahap lapan (8) kerana ia bertanggungjawab dalam merancang dan perlu mengambil tindakan yang menyebabkan perubahan yang besar, mengikut pertimbangan dan autonomi yang lebih meluas.

## **ii) Farmaseutikal**

Sub sektor farmaseutikal dibahagikan kepada dua bidang iaitu perkhidmatan penjagaan farmaseutikal dan pembuatan farmaseutikal yang memerlukan kompetensi berbeza berdasarkan skop kerja. Ia mempunyai tajuk pekerjaan daripada tahap 1 hingga tahap 7 kecuali R & D Farmaseutikal yang mencapai tahap 8. Bidang-bidang tersebut diterangkan di bawah:

### **(a) Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan**

Penjagaan farmaseutikal menyediakan faedah terus kepada pesakit, dan ahli farmasi adalah bertanggungjawab secara langsung kepada pesakit untuk penjagaan yang berkualiti. Asas hubungan dalam penjagaan farmaseutikal ini merupakan pertukaran berfaedah yang mana pesakit memberikan kuasa kepada pembekal dan pembekal memberikan kompetensi dan komitmen (menerima tanggungjawab) kepada pesakit.

Penjagaan farmaseutikal tidak hanya mengubah peranan ahli farmasi tetapi juga dalam falsafah amalan ahli farmasi. Objektif utamanya adalah untuk meningkatkan kesihatan pesakit melalui perubahan perkhidmatan farmasi daripada berorientasikan ubat kepada berorientasikan pesakit.

Terdapat sebanyak 21 tajuk pekerjaan di bawah bidang ini. Bidang ini dibahagikan kepada 4 kategori utama mengikut pengkhususan seperti di bawah:

- **Stor Farmaseutikal**

Kakitangan di bawah bidang ini akan mengawal pembelian ubat, aset dan alatan dalam pusat kesihatan/hospital. Mereka memainkan peranan yang penting terutamanya dalam pengawalan yang ketat dalam pengagihan ubat di hospital atau klinik. Ini adalah perkara kritikal yang mengkehendaki pelesenan dan pengawalan

- **Klinikal**

Dalam sistem penjagaan kesihatan, ahli farmasi klinikal merupakan pakar penggunaan ubat secara terapeutik. Mereka menasihatkan

dan menilai terapi perubatan secara rutin kepada pesakit dan profesional penjagaan kesihatan yang lain. Ahli farmasi klinikal adalah sumber utama maklumat sah secara saintifik. dan penasihat mengenai keselamatan, penyesuaian dan penggunaan kos efektif ubat-ubatan.

Definisi lain dalam farmasi adalah “farmasi klinikal merupakan cabang farmasi yang berurusan dengan pelbagai aspek penjagaan pesakit, pengagihan ubat dan menasihati pesakit tentang langkah keselamatan dan penggunaan ubat yang rasional”

- **Pesakit Dalam/Luar**

Skop kerja bagi kakitangan di bawah sektor ini adalah interaksi dengan pesakit Dalam (pesakit dalam wad) dan pesakit Luar (pesakit yang tidak berada dalam hospital dan berubat di rumah). Kakitangan ini diperlukan untuk memilih, mengagih dan mentadbir ubat-ubatan yang sesuai untuk kedua-dua kategori pesakit dan juga memberi kaunseling dan nasihat kepada pesakit mengikut jenis ubat-ubatan dan kaedah penyediaan ubat-ubatan.

- **Pembancuhan Ubat**

Pembancuhan Ubat (Nutrisi *parenteral* & kimoterapi) merupakan tindakan profesional seorang ahli farmasi yang diiktiraf oleh undang-undang, yang menggunakan mana-mana cabang sains dalam bidang farmasi, mengabungkan bahan untuk mencipta produk akhir untuk diagihkan kepada pesakit oleh pengamal atau ejen pengamal dan secara profesional menyediakan satu produk akhir yang unik.

Nutrisi Parenteral merupakan pembekalan nutrisi melalui saluran darah seseorang dengan tidak melalui proses yang biasa melalui pemakanan dan penghadaman. Mereka menerima formula nutrisi yang mengandungi garam, glukosa, asid amino, lipid dan vitamin tambahan. Ia dinamakan total parenteral nutrition (TPN) kerana tiada makanan yang diberikan melalui laluan lain.

Kimoterapi merupakan rawatan penyakit oleh bahan kimia terutamanya melalui pembunuhan mikro organisma atau sel berbarah. Ia merujuk kepada penggunaan ubat 'antineoplastik'

untuk merawat barah atau kombinasi ubat ini dalam regimen rawatan piawaian 'sitotoksid'. Ahli farmasi di bawah sub bidang kimoterapi adalah bertanggungjawab untuk mengurus ubat-ubatan bagi pesakit kanser yang dimasukkan ke dalam saluran urat darahnya. Tujuan utamanya adalah untuk memberikan satu dos kimoterapi yang sangat tinggi kepada bahagian tumor tanpa menyebabkan kerosakan sistem badan. Bergantung kepada pesakit, kanser, peringkat kanser, jenis kimoterapi dan dos, 'kimoterapi intravena' boleh diberikan samada kepada pesakit dalaman atau pesakit luaran

### **(b) Pembuatan farmaseutikal**

Terdapat sejumlah 34 tajuk pekerjaan di bawah bidang ini. Bidang ini dibahagikan kepada 3 kategori utama dalam pembuatan farmaseutikal seperti di bawah:

#### **i) Pembuatan ubat**

Pembuatan ubat merupakan proses sintesis berskala industri bagi ubat farmaseutikal oleh syarikat farmaseutikal. Ini merupakan pembuatan farmaseutikal berasaskan sintesis bahan kimia yang bertujuan untuk 'meniru' hak penyembuhan sumber asli seperti herba. Setiap bidang seterusnya dibahagikan ke dalam sub bidang yang memerlukan perbezaan kompetensi mengikut skop kerja yang berbeza. Setiap bidang ini adalah penting bagi memastikan kelancaran operasi pengeluaran, standard kualiti dipatuhi dan bahan dikawal.

Sub bidang adalah seperti di bawah:

- **Proses/Pengeluaran**

Untuk memastikan proses pengeluaran ubat mengikut prosedur operasi standard dan sasaran pengeluaran yang dikehendaki tercapai

- **Kawalan kualiti**

Untuk memastikan proses pengeluaran dan produk akhir mencapai standard kualiti dan peraturan.

## **ii) Pembuatan herba**

Perubatan herba termasuklah herba, bahan herba, penyediaan herba dan produk herba telah siap. Herba meliputi bahan mentah yang boleh diperolehi daripada liken, alga, fungi dan tumbuhan tinggi seperti daun, bunga, buah, dahan, benih, batang, kayu, kulit kayu, akar, rizom atau bahagian lain, yang boleh didapati dalam bentuk keseluruhan herba, sebahagian atau dibuat menjadi serbuk.

Bahan herba sebagai tambahan kepada herba adalah seperti jus segar, gam pokok, minyak, minyak asas, damar, dan serbuk kering dari herba. Di sesetengah negara, bahan ini mungkin melalui proses seperti stim, panggang atau bakar.

Penyediaan herba merupakan asas untuk menyiapkan produk herba dan termasuklah mengecil atau memotong bahan herba atau mengekstrak, mewarna dan melembak minyak bahan herba. Mereka mengeluarkannya melalui pengekstrakkan, pemecahan, penulenan, konsentrasi dan proses fizikal lain atau biologi. Mereka juga turut membuat persediaan dengan merendam dan menghangatkan bahan herba. Produk herba yang telah siap mengandungi penyediaan herba yang dibuat daripada satu atau lebih herba. Jika lebih dari satu herba yang digunakan, terma “produk herba campuran” boleh juga digunakan.

Berbeza dengan produk farmaseutikal yang biasanya dibuat daripada bahan sintetik melalui prosedur dan teknik pembuatan, penyediaan ubat herba adalah dari bahan yang biasanya didapati daripada kepelbagaian lokasi geografi atau sumber dagangan. Kesimpulannya, mungkin tidak selalu dapat dipastikan keadaan bahan tersebut. Tambahan pula, kandungan dan ciri-ciri mereka adalah berbeza. Lagipun, dalam pembuatan dan kawalan kualiti perubatan herba, prosedur dan teknik yang selalu digunakan sangat banyak berbeza daripada yang digunakan untuk produk farmaseutikal konvensional.

Disebabkan kerumitan yang wujud oleh tumbuhan perubatan semulajadi dan tanaman yang berlainan, pencemaran toksik tumbuhan perubatan atau sebahagian tumbuhan, bilangan dan kuantiti kecil bahan aktif yang dikenalpasti, pengeluaran dan pemprosesan secara langsung telah mempengaruhi kualiti ubat herba. Atas sebab ini, penerapan amalan pembuatan yang baik dalam pembuatan ubatan herba adalah penting untuk menjamin kualitinya .

Bidang ini seterusnya di bahagikan kepada sub bidang seperti yang berikut:

### **Pengeluaran Tradisional**

Pemprosesan merupakan aspek kritikal dalam pengeluaran herba, terutamanya merujuk kepada penghasilan ekstrak yang rendah. Kaedah pemprosesan selalunya berdasarkan kepada kaedah tradisional seperti pengekstrakkan air pada tekanan tinggi untuk herba yang dididihkan secara tradisional iaitu perebusan. Pembungkusan dan penjualan merupakan aktiviti yang dijalankan selepas pemprosesan. Produk Herba dijual dalam bentuk kapsul, pil, ekstrak dan pati minyak asli.

### **Pengeluaran Moden**

